



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**1 Oktober 2023
16 Rabiulawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Perak Agrofest 2023 perkasa keterjaminan makanan
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Sultan Nazrin rasmi Perak Agrofest
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	
					29	1/10/2023

Sultan Nazrin rasmi Perak Agrofest

SUNGAI SIPUT - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Perak Agrofest di Ladang Infoternak Sungai Siput (U) di sini pada Sabtu.

Program Perak Agrofest merupakan penjenamaan semula Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan negeri.

Menariknya, selepas 10 tahun program berkenaan kembali dianjurkan di Ladang Infoternak Sungai Siput (U) di sini, selepas kali terakhir diadakan pada 2013.

Bertemakan Lestari Agro, Perak Makmur, Perak Agrofest yang berlangsung selama tiga hari mulai 29 September hingga 1 Oktober 2023 merupakan program dwitahunan dan diadakan secara berselang seli dengan program Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA).

Pada majlis tersebut, baginda turut berkenan menyampaikan anugerah kepada 15 pemenang kategori pertandingan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Perak 2023.

Dalam pada itu, Sultan Nazrin turut berkenan melawat ke ruang pameran jabatan dan agensi yang disediakan selain bertemu rakyat jelata sempena program berkenaan sebelum berangkat pulang.



Sultan Nazrin (kanan) berkenan menyampaikan anugerah kepada pemenang kategori pertandingan pada Sabtu.

Mengiringi baginda, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan beberapa ketua jabatan serta agensi.

Penganjuran Agrofest pada tahun ini melibatkan kerjasama hampir 50 jabatan dan agensi dari seluruh negeri Perak.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		
					1/10/2023

Perak Agrofest 2023 perkasa keterjaminan makanan

Kerajaan negeri lipat gandakan usaha perkukuh keterjaminan sumber

Oleh Muhammad Zulsyamini Saifan Suri
bhnews@bh.com.my

Sungai Siput: Penganjuran Perak Agrofest 2023 adalah kesinambungan usaha yang dilaksanakan Kerajaan Perak dalam memperkasa aspek sekuriti atau keterjaminan makanan yang menjadi satu daripada enam agenda utama dalam pelan pembangunan negeri iaitu Perak Sejahtera 2030.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata Perak Agrofest adalah penjenamaan semula kepada program Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan negeri, yang juga satu platform strategik diwujudkan kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mendapatkan maklumat serta pendedahan terkini dalam bidang pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani.

Beliau berkata, aspek keterjaminan makanan sentiasa diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan negeri berpandukan pedoman beberapa siri titah disampaikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebelum ini.

"Kerajaan negeri melipat gandakan usaha dan ikhtiar supaya segala inisiatif bagi memperkukuhkan sekuriti makanan seperti digagaskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 dapat



Sultan Nazrin diiringi Saarani berkenaan melawat tapak pameran pada majlis perasmian Perak Agrofest 2023.

(Foto L. Manimaran/BH)

direalisasikan khususnya melalui kolaborasi agensi dan jabatan berkaitan sektor pertanian untuk menjana pengeluaran hasil makanan berskala besar," katanya berucap pada majlis perasmian Perak Agrofest 2023 di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Peluang promosi produk

Perak Agrofest 2023 iaitu festival mempromosi produk berasaskan pertanian, inovasi dan teknologi terkini pertanian di Ladang Infoternak Sungai Siput, diadakan selama tiga hari hingga hari ini.

Program bertemakan 'Lestari Agro, Perak Makmur' itu dianjurkan

secara dwitahunan dan diadakan secara berselang seli dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang antara lain turut memberi peluang kepada usahawan khususnya di negeri ini mempromosi serta memperkenalkan produk hasil ke pasaran lebih tinggi.

Perak Agrofest terbahagi kepada beberapa laman yang menumpu setiap sektor seperti Laman Pertanian, Laman Perikanan, Laman Ternakan, Laman Teknologi dan Inovasi serta jualan produk industri makanan asas tani (IMAT), selain Empayar Makanan.

Pelbagai pengisian diatur sepanjang program berlangsung seperti demonstrasi oleh

setiap laman, ceramah agama, aktiviti untuk kanak-kanak, pameran haiwan ternakan seperti 'Lembu Sado', Kambing Aglo Nubian, pertandingan memancing, persembahan artis jemputan dan cabutan bertuah.

Saarani berkata, Nisbah Sara Diri (SSR) negeri Perak bagi sektor pertanian bagi 13 jenis tanaman terpilih adalah mencukupi dan memenuhi permintaan domestik dengan nilai SSR melebihi 100 peratus iaitu membabitkan kelapa, jagung manis, belimbing, betik, jambu batu, pisang, bayam, bendi, kacang panjang, sawi, terung, timun dan ubi keledek.

Beliau berkata, Perak juga adalah peneraju sektor perikanan di

Malaysia dengan jumlah pengeluaran tertinggi untuk aktiviti akuakultur dan perikanan tangkapan sehingga mencatatkan Tahap Kadar Sara Diri (SSL) 98.31 peratus pada 2022.

Katanya, bagi sektor komoditi ternakan bagi 2022, komoditi unggas sudah melebihi nilai SSR 100 peratus iaitu membabitkan komoditi ternakan daging ayam/itik dan telur ayam/itik.

"Selain itu, susu segar lembu adalah pada kadar SSL 94.4 peratus, manakala kerjasama strategik agensi negeri dengan perenang taruh terus dipergiatkan untuk meningkatkan kadar SSR bagi pengeluaran daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri," katanya.